

**UCAPAN DARIPADA HAJI ABDUL MALIK BIN HAJI MOHAMMAD,
KETUA PEGAWAI BELIA DAN SUKAN SELAKU PENERUS
BAGI 'SOFT LAUNCHING' PERTANDINGAN B@KTIF PADA 12 APRIL 2009,
PUSAT BELIA, BANDAR SERI BEGAWAN**

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

YANG MULIA

AWANG HJ.MD.ZALI BIN HJ. ARSHAD

KETUA CAWANGAN JABATAN BELIA DAN SUKAN DAERAH BRUNEI MUARA

PARA HAKIM

PEGAWAI-PEGAWAI JABATAN BELIA DAN SUKAN

PARA BELIA YANG MENGIKUTI PERTANDINGAN B@KTIF SIRI KE 3 TAHUN 2009

PARA HADIRIN SEKALIAN.

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHIB WABARAKATUH

ALHAMDULLILLAH KITA BERKUMPUL PADA PETANG INI BAGI PELANCARAN PERTANDINGAN B@KTIF.

1. TERLEBIH DAHULU SAYA SELAKU PENERUS PERTANDINGAN B@KTIF BAGI SIRI TAHUN 2009 MENGALUKAN PENYERTAAN SEMUA KUMPULAN YANG TELAH MENGHANTARKAN KERTAS KERJA KE PERTANDINGAN B@KTIF. KEPADA KUMPULAN YANG BARU MENGIKUTI PADA TAHUN INI DIUCAPKAN 'SELAMAT DATANG' DAN MENCUBA, SEMENTARA KEPADA KUMPULAN YANG PERNAH MENYERTAINYA 'SELAMAT KEMBALI' DAN SEMOGA BERJAYA KETAHAP SETERUSNYA. WALAUAPAPUN KEPADA SEMUA KUMPULAN DIHARAP BERUSAHA DENGAN SEPENUHNYA UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN DALAM PERTANDINGAN INI.
2. RASIONAL UNTUK MELIBATKAN KUMPULAN BELIA MENGANJUR APA JUA AKTIBITI DAN PROJEK BELIA ADALAH BAGI MEMENUHI PERMINTAAN DAN SUARA-SUARA SARANAN DARIPADA BELIA DALAM FORUM, KONGRES DAN PERJUMPAAN BELIA. PARA PERWAKILAN BELIA MENYATAKAN ADALAH PERLU BAGI PIHAK JABATAN UNTUK MEMPERBAGAIKAN JENIS AKTIBITI DAN KEGIATAN BELIA BAGI MEMASTIKAN BELIA TERTARIK DAN SELARAS DENGAN KEHENDAK SERTA CITARASA BELIA MASAKINI. DALAM ERTI KATA LAIN JUGA SEBARANG PERANCANGAN DAN PERLAKSANAAN AKTIBITI BELIA HENDAKLAH MENEPATI AKAN KEHENDAK BELIA SENDIRI SUPAYA SENTIASA *RELEVAN* DENGAN CITA RASA MEREKA ATAU "MEET THE NEEDS OF THE YOUNG PEOPLE".
3. DIPERINGKAT SERANTAU PULA NEGARA INI MELALUI JABATAN SERINGKALI DIMINTA UNTUK MENGHANTAR PROJEK-PROJEK BELIA UNYUK MEMASUKI PERTANDINGAN DIKALANGAN NEGARA KOMANWEL DAN ASEAN, JADINYA MELALUI PERTANDINGAN B@KTIF INI ADALAH ASAS UNTUK MEMENUHI DAN MENYERTAI ANUGERAH BERKENAAN.

4. SELAIN DARIPADA ITU, PERLU JUGA DINYATAKAN BAHAWA DIANTARA 'OUTCOME' PENGANJURAN PERTANDINGAN B@KTIF ADLAH UNTUK MELATIH DAN MEMBIASAKAN PARA AHLI KUMPULAN BAGI MENGAMALKAN SIKAP DAN PENDEKATAN BERKERJA SECARA KUMPULAN DALAM SATU PROJEK KHUSUS YANG TELAH DIRANCANG DAN TERATUR. SETERUSNYA JABATAN AKAN MENGENAL PASTI DIKALANGAN BELIA INI, MEREKA YANG BERPOTENSI SEBAGAI PEMIMPIN MUDA. KUMPULAN-KUMPULAN ATAU 'POOLS' YANG BERPOTENSI AKAN DILATIH ATAU 'GROOM' BAGI MEMIMPIN RAKAN BELIA YANG LAIN.
5. JUGA MELALUI PERTANDINGAN SEUMPAMA INI SEBAGAI ASAS UNTUK MEMPERLIHATKAN BAKAT BELIA UNTUK MEMIMPIN DAN MELAKSANAKAN PROJEK YANG LEBIH BESAR DAN MENCABAR DIMASA DEPAN.
6. DALAM BERKERJA BERKUMPULAN DAN JIKA BERJAYA KETAHAP III UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK NANTI PARA BELIA AKAN BERHADAPAN DENGAN BERBAGAI CABARAN. PERBEZAAN PENDAPAT DIKALANGAN AHLI, BERDEBAT UNTUK Mencari kata sepakat dan sampai kepada keputusan, kesukaran untuk mengurus masa disamping komitmen yang lain, penentuan pembahagian tugas dan sebagainya akan timbul. Ini juga tidak termasuk tambahan kepada ketua kumpulan untuk mengekalkan 'enthusiasm' dikalangan ahli kumpulan supaya sentiasa ada dan tinggi. Halangan-halangan tersebut perlu ditangani oleh setiap ahli dengan bijaksanaan, tahap kesabaran yang tinggi, sikap tabah dan semua mestilah bertanggungjawab dan faham akan tugas dan peranan masing-masing. Setengah kamu akan merasa tertekan "stress". Jadinya jangan sampai bebanan dan tekanan untuk melaksanakan projek nanti akan menjadi perbalahan dikalangan ahli kumpulan. Berkerjasamalah dalam semua kerja, bak kata pepatah "berat sama dipikul dan ringan sama dijinjing". Yang penting sekali seronok dalam membuat projek – "having fun in doing it".

AKHIRNYA SEKALI LAGI SAYA MENASIHATKAN KEPADA SEMUA KUMPULAN UNTUK BERUSAHA LAH DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH DAN SEMOGA BERJAYA KETAHAP SETERUSNYA DAN MELAKSANAKAN PROJEK DENGAN SEMPURNA DAN BISAI.

DENGAN KALIMAH "BISMILLAHIR RAHMANI RAHIM" DAN BERTAWAKAL KEPADA ALLAH SUBHANAHU WATALLA SAYA LANCARKAN PERTANDINGAN B@KTIF SIRI KE 3 TAHUN 2009 INI.

SEKIAN.